

Opera Beijing, '24 Seasons Drum' bakal gegar Pesta Tiong Hwa UMS

UB 23.5.2016

B4

OPERA Beijing dan '24 Seasons Drum' bakal menggegarkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena sambutan Pesta Tiong Hwa ke-5 yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat 2, UMS pada 28 Mei ini.

Sambutan pesta yang diadakan setiap tahun itu merupakan anjuran Majlis Perwakilan Pelajar UMS (MPPUMS) yang akan berlangsung bermula jam 8.30 malam.

Selain itu, terdapat

Orkestra Cina, Yoyo Kut Cina dan beberapa persembahan lain yang turut dipersembahkan oleh mahasiswa dan mahasiswi UMS pada malam berkenaan.

Pengerusi acara Chee Lok Yee berkata, pengajuran pesta ini bertujuan memperkenalkan budaya tradisi masyarakat Tiong Hwa di Malaysia kepada masyarakat majmuk.

"Bukan itu sahaja, pesta ini juga memberi

ruang kepada masyarakat tempatan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan membentuk komuniti yang harmoni.

"Pesta ini juga akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang terlibat untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan pengurusan acara di samping mencungkil kebolehan dan bakat-bakat daripada setiap penyertaan pengunjung," katanya dalam satu kenyataan, di

sini.

Beliau berkata, pesta itu terbuka kepada para pelajar dan orang luar untuk merasai sendiri pengalaman menyambut Pesta Tiong Hwa yang penuh warna warni ini.

Katanya, harga tiket masuk adalah RM8 untuk pelajar, manakala RM15 untuk bukan pelajar.

Maklumat lanjut berkaitan dengan Pesta Tiong Hwa boleh merujuk kepada Chee Lok Yee di talian 016-5498898.